

KEPADA SEMUA PELAJAR POLITEKNIK SEBERANG PERAI

ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN

1. Calon-calun **DILARANG** membawa masuk ke dalam atau keluar dewan/bilik peperiksaan apa-apa buku, kertas, dokumen atau gambar atau sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis kecuali yang dibenarkan oleh pengawas peperiksaan.
2. Calon-calun **DILARANG** menerima apa-apa kertas, buku, dokumen, gambar, atau sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis daripada mana-mana orang lain semasa di dalam dewan/bilik peperiksaan kecuali daripada pengawas peperiksaan.
3. Calon-calun tidak boleh merujuk dan menggunakan sebarang bahan rujukan yang dilarang di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan bagi keperluan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan
4. Calon-calun **TIDAK DIBENARKAN** membawa masuk "Programmable Calculator" dan bekas /sarung kalkulator.
5. Calon-calun di **MESTI** kan membawa **Kad Pelajar** dan **HENDAK** lah diletakkan di penjuru kanan meja untuk diperiksa oleh Pengawas Peperiksaan.
6. Calon-calun **TIDAK DIBENARKAN** bercakap atau berhubung diantara satu sama lain dengan apa cara jua sekalipun semasa peperiksaan sedang dijalankan.
7. Calon-calun yang lewat lebih daripada **30 MINIT** selepas peperiksaan dimulakan adalah di **LARANG** masuk ke Dewan / Bilik Peperiksaan dan seterusnya tidak boleh menduduki peperiksaan tersebut.
8. Calon-calun tidak dibenarkan meninggalkan Dewan atau Bilik Peperiksaan dalam tempoh **30 MINIT** selepas peperiksaan bermula dan **15 MINIT** sebelum peperiksaan berakhir.
9. Calon-calun hendaklah duduk di tempat masing-masing selepas tamat peperiksaan dan **HANYA** boleh keluar setelah mendapat arahan dari Pengawas.
10. Calon-calun **TIDAK DIBENARKAN** membawa keluar lebihan kertas jawapan.
11. Calon-calun **TIDAK DIBENARKAN** membawa telefon tangan (handset) ke dalam Dewan / Bilik Peperiksaan.

PELANGGARAN PERATURAN DAN ARAHAN-ARAHAN AM PEPERIKSAAN

1. Seseorang Pelajar yang didapati melanggar mana-mana arahan-arahan am peperiksaan pada perenggan 3.1 (Buku Arahan-Arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian) boleh dikenakan tindakan seperti berikut:
 - i) Amaran, atau
 - ii) Di **MANSUHKAN** markah penilaian bagi modul berkenaan.
2. Kes Meniru, Cubaan Meniru atau Memberi Tiru yang telah dibuktikan akan di **MANSUHKAN** markah Peperiksaan Akhir bagi semua modul yang diambil pada semester berkenaan.
3. Selain daripada perenggan 12.1 dan 12.2 (Buku Arahan-Arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian), Pelajar-pelajar yang melanggar Peraturan Peperiksaan juga boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar) 1976 – Akta 174 – Bahagian V Acara Tatatertib dan pindaan-pindaannya

KEPADA SEMUA PELAJAR POLITEKNIK SEBERANG PERAI

ARAHAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN (TAMBAHAN)

1. Sepanjang Peperiksaan Akhir berlangsung, segala jenis alatan elektronik seperti telefon bimbit, samsung gear atau apa sahaja yang boleh berhubung untuk mendapatkan nota secara elektronik **TIDAK DIBENARKAN** dibawa masuk ke dalam bilik/dewan peperiksaan.
2. Peralatan elektronik tersebut adalah di bawah **TANGGUNGJAWAB CALON SENDIRI**. Jika berlaku kehilangan PSP tidak bertanggungjawab atas kehilangan peralatan elektronik berkenaan.
3. Jika didapati calon-calon membawa masuk alatan tersebut, calon boleh didakwa atas cubaan meniru yang memberi kesan keputusan **GAGAL** pada kursus berkenaan.
4. Peralatan elektronik/bahan bukti yang **DIRAMPAS** akan dipulangkan setelah **KEPUTUSAN RASMI PEPERIKSAAN DIKELUARKAN**.